

2. TERIMAAN DAN BAYARAN DI BAWAH OBLIGASI SOSIAL PERJANJIAN KONSESI PENGURUSAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan*

1. LATAR BELAKANG

1.1. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 Oktober 2020 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk melanjutkan perjanjian penswastaan konsesi pengurusan industri padi dan beras negara. Perjanjian konsesi ketiga (perjanjian konsesi) ini berkuat kuasa bagi tempoh 10 tahun, iaitu bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031 dengan kos keseluruhan sejumlah RM3.216 bilion untuk melaksanakan 10 obligasi sosial. Ringkasan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani oleh MAFI sejak tahun 1996 dan bilangan obligasi sosial yang ditetapkan adalah seperti dalam **Jadual 2.1**.

**JADUAL 2.1
RINGKASAN PERJANJIAN KONSESI**

PERJANJIAN	TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGANI	TEMPOH PERJANJIAN	PEGAWAI MENANDATANGANI PERJANJIAN	BILANGAN OBLIGASI SOSIAL YANG DITETAPKAN
Pertama	12.01.1996	12.01.1996 hingga 10.01.2011	Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Asas Tani (MOA)	5
Kedua	18.09.2012	11.01.2011 hingga 10.01.2021	Ketua Setiausaha, MOA	5
Ketiga	03.12.2020	11.01.2021 hingga 10.01.2031	Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MAFI	10

Sumber: Perjanjian Konsesi

1.2. Syarikat konsesi telah diberikan hak tunggal untuk mengimport beras dari luar negara. Dasar ini dilaksanakan bagi melindungi industri strategik negara terutamanya dalam menyediakan sumber bekalan makanan utama iaitu beras. Sebagai balasan, perjanjian konsesi mensyaratkan syarikat konsesi hendaklah dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, membuat perbelanjaan modal, bayaran sekali sahaja dan perbelanjaan mengurus sebagai obligasi sosial. Antara obligasi sosial yang ditetapkan berbentuk sumbangan kewangan dan aset untuk industri padi dan beras, pengurusan bayaran subsidi harga padi dan pembekalan jentera ladang serta mekanisasi padi.

1.3. Perenggan 21 perjanjian konsesi menetapkan Jawatankuasa Pemantauan bertanggungjawab untuk menilai pematuhan syarikat konsesi terhadap terma perjanjian

* Kini dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

termasuk 10 obligasi sosial yang perlu dilaksanakan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Ketua Setiausaha (KSU) MAFI, Ketua Pengarah bagi pengawalan padi dan beras, empat wakil yang dilantik oleh Kerajaan, dua wakil yang dilantik oleh syarikat konsesi dan seorang wakil daripada industri padi dan beras yang dilantik oleh Kerajaan. Senarai 10 obligasi sosial yang ditetapkan sepanjang tempoh perjanjian ini adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
SENARAI 10 OBLIGASI SOSIAL PERJANJIAN KONSESI
BAGI TEMPOH JANUARI 2021 HINGGA JANUARI 2031

OBLIGASI	OBLIGASI SOSIAL	OBJEKTIF/PENGUKURAN
1	Mengurus stok penimbal beras negara sebanyak 290,000 tan metrik (MT)	<ul style="list-style-type: none"> Memelihara, mengekalkan dan menguruskan kuantiti stok penimbal beras negara sepanjang masa atau stok beras seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Kerajaan. Memastikan stok penimbal beras negara sentiasa berada dalam keadaan baik mengikut standard kualiti di pasaran.
2	Pembeli padi terakhir dengan harga minima terjamin	<ul style="list-style-type: none"> Pembelian padi oleh syarikat konsesi daripada mana-mana pesawah pada harga tidak kurang daripada Government Recommended Price (GRP) atau Government Minimum Price (GMP) yang mana lebih tinggi di pusat belian dan kilang yang dibangunkan. Pada masa ini, GMP ditetapkan pada kadar RM1,200 per tan metrik.
3	Mengurus pembayaran subsidi harga padi	<ul style="list-style-type: none"> Menguruskan dan melakukan pembayaran subsidi di bawah Skim Subsidi Harga Padi (SSH) mengikut kadar yang telah ditentukan oleh Kerajaan. Syarikat konsesi akan memperuntukkan RM17 juta sepanjang tempoh konsesi bagi tujuan menguruskan pembayaran skim subsidi harga padi bagi pihak Kerajaan serta menaik taraf dan menyenggara sistem sedia ada termasuk pembangunan sistem kad pintar petani.
4	Mengurus skim pengilang, pemborong bumiputera dan koperasi petani	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan program-program pembangunan bumiputera dalam rantai industri bagi membantu pengilang, pemborong dan koperasi petani. Syarikat konsesi akan memperuntukkan dana berjumlah RM100 juta untuk pelaksanaan skim sepanjang tempoh konsesi. Pengilang padi – RM60 juta (RM6 juta setahun). Pemborong & Koperasi Padi – RM40 juta (RM4 juta setahun).
5	Memperuntukkan dana bagi pembekalan jentera ladang dan mekanisasi padi	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat konsesi akan memperuntukkan RM40 juta sepanjang tempoh konsesi atau RM4 juta setahun untuk tujuan penggantian dan pembelian mesin penuai, traktor dan/atau mesin pertanian yang berkaitan bagi tujuan menyediakan perkhidmatan kepada pesawah tempatan.
6	Membangunkan sawah berskala besar serta padi dan beras istimewa tempatan	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat konsesi akan melabur RM100 juta untuk pembangunan Program Pertanian Skala Besar. Tumpuan juga diberikan kepada pembangunan padi dan beras bernilai tinggi seperti beras wangi, beras pulut dan beras rebus (parboiled).
7	Menyediakan peruntukan bagi program Pembangunan Stokpile	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat konsesi akan menyumbang sebanyak RM20 juta sepanjang tempoh konsesi atau RM2 juta setahun untuk tujuan program Pembangunan Stokpile.
8	Menyediakan peruntukan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat konsesi akan menyumbang RM100 juta untuk Tabung Bencana Tanaman Padi sepanjang tempoh konsesi.
9	Menyediakan peruntukan pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat konsesi akan menyumbang RM22 juta untuk sistem maklumat industri padi dan beras yang akan dibangunkan oleh MAFI.
10	Menyediakan peruntukan bagi pembangunan nutrisi tanah	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat konsesi akan menyumbang sebanyak RM40 juta untuk pengurusan profil dan nutrisi tanah.

Sumber: Lampiran F Perjanjian Konsesi dan Laporan Prestasi KPI Syarikat Konsesi Julai-Disember 2021

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada terimaan dana berbentuk kewangan dan aset serta bayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) mematuhi undang-undang, perjanjian dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Pembangunan Industri Padi MAFI meliputi terimaan dana berbentuk kewangan dan aset serta bayaran SSHP di bawah perjanjian konsesi melibatkan enam obligasi sosial perjanjian konsesi pengurusan industri padi dan beras negara seperti berikut:

- a. Terimaan dana daripada syarikat konsesi kepada Kerajaan bagi:
 - i. pembekalan jentera ladang dan mekanisasi padi (Obligasi 5);
 - ii. program Pembangunan Stokpile (Obligasi 7);
 - iii. bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (Obligasi 8);
 - iv. pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras (Obligasi 9); dan
 - v. pembangunan nutrisi tanah (Obligasi 10).
- b. Bayaran SSHP oleh syarikat konsesi (Obligasi 3).

3.2. Pengauditan meliputi obligasi sosial berjumlah RM37 juta, bayaran SSHP berjumlah RM634.84 juta bagi tahun 2021 dan pembekalan jentera tahun 2021 berjumlah RM4.06 juta.

3.3. Lawatan fizikal dilaksanakan di Kompleks Beras (KB) Changkat Lada (Perak), KB Bukit Kenak (Terengganu), KB Rompin (Pahang), KB Seri Tiram Jaya dan KB Sungai Besar (Selangor). Semakan fizikal dilaksanakan berdasarkan pemilihan baucar bayaran SSHP kepada pesawah. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dilaksanakan terhadap jentera yang dibekal dan diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan serta digunakan oleh golongan sasar.

3.4. Pengauditan turut dijalankan melalui semakan dokumen dan rekod, analisis data dan temu bual dengan pegawai yang terlibat. Antara dokumen dan data yang disemak adalah berdasarkan kepada sumber utama seperti berikut:

- a. data bayaran SSHP bagi tahun 2021;
- b. pangkalan data Sistem MyIDENTITY daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);

- c. laporan prestasi Key Performance Indicator (KPI) syarikat konsesi tahun 2021 oleh Pasukan Pemeriksa KPI MAFI; dan
- d. laporan suku tahunan bayaran SSHP tahun 2021 oleh syarikat konsesi.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Mei hingga Julai 2022. Maklum balas daripada MAFI diterima pada 9 dan 26 Ogos 2022 serta 8 November 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 15 Ogos 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti di perenggan 4.1 hingga 4.3.

4.1. Dana Obligasi Sosial Tahun 2021 Berjumlah RM37 Juta Belum Diterima Oleh MAFI

4.1.1. Merujuk klausa 20.1 perjanjian konsesi, semua wang yang akan disumbangkan oleh syarikat konsesi di bawah klausa 16, 17, 18 dan 19 perjanjian ini hendaklah didepositkan oleh syarikat konsesi ke dalam akaun amanah. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 Oktober 2020 bersetuju supaya MAFI mewujudkan akaun amanah bagi maksud pelaksanaan obligasi sosial yang berkaitan. Dana tersebut akan digunakan bagi tujuan Stokpile Benih Padi Negara, Kumpulan Wang Tabung Bencana Tanaman Padi, pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras serta pembangunan nutrisi tanah.

4.1.2. Lampiran F dan Lampiran G perjanjian konsesi menetapkan sejumlah RM37 juta hendaklah disalurkan oleh syarikat konsesi pada tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.3**.

JADUAL 2.3
LAMPIRAN DALAM PERJANJIAN KONSESI BERKAITAN PERUNTUKAN DANA

BIL.	KLAUSA/ LAMPIRAN	PERIHAL	AMAUN SEPATUTNYA DITERIMA PADA TAHUN 2021 (RM Juta)
1.	16.1., 16.2./ Lampiran F	Berkenaan dana yang perlu didepositkan ke dalam Akaun Amanah Kerajaan untuk Stokpile Benih Padi Negara berjumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta (RM20,000,000) sepanjang tempoh konsesi mengikut jadual yang ditetapkan dalam Lampiran F, iaitu Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) setahun.	2.00
2.	17.1., 17.2./ Lampiran F	Berkenaan dana yang perlu didepositkan ke dalam Akaun Amanah Kerajaan untuk Kumpulan Wang Bencana Tanaman Padi berjumlah Ringgit Malaysia Seratus Juta (RM100,000,000) sepanjang tempoh konsesi mengikut jadual yang ditetapkan dalam Lampiran F, iaitu Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10,000,000) setahun.	10.00

BIL.	KLAUSA/ LAMPIRAN	PERIHAL	AMAUN SEPATUTNYA DITERIMA PADA TAHUN 2021 (RM Juta)
3.	18.1., 18.2./ Lampiran F dan G	Berkenaan dana yang perlu didepositkan ke dalam Akaun Amanah Kerajaan untuk pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras berjumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta (RM22,000,000) sepanjang tempoh konsesi seperti yang ditetapkan dalam Lampiran F. Jumlah yang ditetapkan adalah RM5 juta pada tahun 2021 seperti dalam Lampiran G. Pembayaran hendaklah dilakukan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penyerahan dokumen berkaitan atau arahan oleh MAFI.	5.00*
4.	19.1., 19.2./ Lampiran F dan G	Berkenaan dana yang perlu didepositkan ke dalam Akaun Amanah Kerajaan untuk pembangunan nutrisi tanah berjumlah Ringgit Malaysia Empat Puluh Juta (RM40,000,000) sepanjang tempoh konsesi seperti yang ditetapkan dalam Lampiran F, iaitu pembayaran dilakukan dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh penyerahan dokumen berkaitan atau arahan oleh MAFI. Jumlah yang ditetapkan adalah RM20 juta pada tahun 2021 seperti dalam Lampiran G.	20.00*
JUMLAH			37.00

Sumber: Perjanjian Konsesi

Nota: * Peruntukan dana tahun 2021 adalah berdasarkan Lampiran G Perbelanjaan Modal, Bayaran Sekali Sahaja dan Perbelanjaan Operasi

4.1.3. Semakan Audit mendapati dana obligasi sosial daripada syarikat konsesi berjumlah **RM37 juta bagi tahun 2021 masih belum diterima oleh MAFI dan akaun amanah belum ditubuhkan setakat 31 Disember 2021**. Perkara ini disebabkan oleh MAFI tidak membuat pemantauan dan susulan terhadap terimaan dana daripada syarikat konsesi.

4.1.4. Kesannya, kelewatan mewujudkan akaun amanah selama 20 bulan sejak perjanjian ditandatangani menyebabkan sejumlah RM37 juta tidak dapat digunakan oleh golongan sasar pada tahun 2021. Selain itu, pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras serta pembangunan nutrisi tanah juga masih belum dilaksanakan.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 9 Ogos 2022

Seperti mana yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi, syarikat konsesi akan menyumbangkan dana berjumlah RM37 juta bagi tujuan obligasi seperti yang termaktub dalam klausa 16, 17, 18 dan 19.

Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) telah diwujudkan bagi mengakaunkan dana obligasi syarikat konsesi sementara menunggu penubuhan akaun amanah selesai. Justeru, dana obligasi yang perlu disalurkan ke dalam akaun amanah akan disalurkan ke dalam ATTD sehingga penubuhan akaun amanah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Bagi obligasi Pembangunan Sistem Maklumat Industri Padi dan Beras serta obligasi Pembangunan Nutrisi Tanah, pihak Kerajaan dalam peringkat memuktamadkan kaedah pelaksanaan kedua-dua obligasi tersebut untuk memastikan pelaksanaannya mengikut terma di dalam perjanjian konsesi dan memberi pulangan terbaik kepada pihak Kerajaan.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 26 Ogos 2022

MAFI dalam proses penubuhan Akaun Amanah dan draf Arahan Amanah sedang disediakan seperti yang dinyatakan di perenggan 5.3.1 hingga 5.3.3 Pekeliling Perbendaharaan WP 10.4. Buat masa ini, MAFI akan menggunakan ATTD untuk terima dana obligasi selaras dengan kelulusan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia sehingga 31 Disember 2022.

Surat arahan penyaluran dana bertarikh 10 Mei 2022 telah dikeluarkan kepada syarikat konsesi. Bagaimanapun, setelah semakan dibuat dengan Bahagian Akaun, terdapat pembetulan ke atas nama penerima, iaitu perlu ditukar daripada Ketua Setiausaha kepada Ketua Akauntan. Bahagian Pembangunan Industri Padi telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 26 Ogos 2022 kepada syarikat konsesi.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 8 November 2022

Dana obligasi sosial tahun 2021 sebanyak RM10 juta untuk Tabung Bencana Tanaman Padi telah disalurkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang pada 21 Julai 2021 sebanyak RM5 juta dan baki RM5 juta pada 7 Januari 2022. Selain itu, MAFI telah menerima dana Stokpile Benih Padi Negara sebanyak RM2 juta untuk tahun 2021 pada 6 Oktober 2022. Penyaluran dana bagi pembangunan sistem maklumat industri padi dan beras serta pembangunan nutrisi tanah ditangguhkan sehingga pindaan terhadap perjanjian konsesi dilaksanakan.

Pernyataan Audit	Dana obligasi sosial berjumlah RM37 juta sepatutnya disalurkan ke akaun amanah di bawah MAFI pada tahun 2021. Penyaluran dana obligasi sosial sebanyak RM10 juta bagi tahun 2021 ke akaun khas Tabung Bencana Tanaman Padi di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang adalah tidak mematuhi klausa 17 perjanjian konsesi. Selain itu, perbelanjaan menggunakan ATTD tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran khas daripada Perbendaharaan.
-------------------------	--

4.2. Bayaran SSHP Berjumlah RM0.73 Juta Kepada Pesawah yang Telah Meninggal Dunia

4.2.1. Klausula 11 perjanjian konsesi menetapkan syarikat konsesi hendaklah menguruskan dan melaksanakan penyaluran subsidi di bawah SSHP pada kadar yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa kepada semua pesawah padi. Klausula 11.6 perjanjian konsesi juga menetapkan syarikat konsesi hendaklah menyediakan laporan suku tahunan bayaran bulanan SSHP berserta dokumen sokongan kepada Kerajaan.

4.2.2. Syarikat konsesi telah menyediakan Prosedur Sistem Operasi Bagi Pengurusan Subsidi Harga Padi berkuat kuasa pada 1 April 2020 bagi tujuan pengurusan SSHP di bawah perjanjian konsesi. Perenggan 8.1.3 Prosedur Sistem Operasi Bagi Pengurusan Subsidi menetapkan syarikat konsesi perlu mendapatkan Kad Daftar Pesawah (KDP) bagi pesawah yang meninggal dunia serta salinan sijil kematian untuk proses pendaftaran yang baharu kepada waris. Di samping itu, perenggan 8.2.6 pula menetapkan pembayaran boleh dibuat kepada waris atas sebab kematian.

4.2.3. Pada tahun 2021, MAFI telah menyalurkan sejumlah RM635 juta kepada syarikat konsesi bagi tujuan pembayaran SSHP. Subsidi harga padi telah ditetapkan pada kadar RM360 per tan metrik berkuat kuasa pada 1 Januari 2019. Pada tahun 2021, syarikat konsesi telah mengemukakan Laporan Bayaran SSHP setiap suku tahun kepada MAFI. Berdasarkan Laporan Bayaran SSHP tersebut, sejumlah RM634.84 juta telah dibayar kepada 107,351 pesawah melibatkan 327,834 transaksi bayaran.

4.2.4. Pihak Audit telah membuat semakan silang antara data penerima SSHP daripada syarikat konsesi dengan data Sistem MyIDENTITY JPN. Analisis Audit mendapati **300 penerima bayaran SSHP telah meninggal dunia dengan tempoh kematian sehingga 15 tahun**. Semakan lanjut terhadap Laporan Bayaran SSHP tahun 2021 oleh syarikat konsesi mendapati sejumlah **RM0.73 juta telah dibayar kepada pesawah yang meninggal dunia** melibatkan 453 transaksi. Pembayaran SSHP sepatutnya dibuat kepada waris berdasarkan pendaftaran baharu bagi kes kematian. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.4**.

JADUAL 2.4
MAKLUMAT PENERIMA SSHP TAHUN 2021
YANG MENINGGAL DUNIA MENGIKUT TAHUN KEMATIAN

TEMPOH (TAHUN)	TAHUN KEMATIAN	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH (RM)
< 1	2021	142	343,821
1 - 5	2016 - 2020	140	349,272
6 - 10	2011 - 2015	14	26,874

TEMPOH (TAHUN)	TAHUN KEMATIAN	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH (RM)
11 - 15	2006 - 2010	4	7,321
JUMLAH KESELURUHAN		300	727,288

Sumber: Laporan Bayaran SSHP Tahun 2021 dan Rekod Sistem MyIDENTITY JPN

4.2.5. Perkara ini berlaku disebabkan tiada prosedur atau mekanisme yang jelas di peringkat MAFI untuk menentukan kesahihan data penerima SSHP dan status KDP berdasarkan laporan bayaran SSHP yang dikemukakan oleh syarikat konsesi. Kesannya, berlaku pembayaran tidak teratur berjumlah RM0.73 juta kerana pesawah sebenar yang menerima SSHP bagi tahun 2021 tidak dapat dikenal pasti.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 9 Ogos 2022

Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada, pesawah pemegang KDP atau wakil perlu hadir ke Pejabat Subsidi syarikat konsesi yang berhampiran pada setiap musim untuk membuat semakan KDP. Namun begitu, kematian pesawah pemegang KDP tidak akan dapat dikesan sekiranya wakil/waris yang hadir tidak melaporkan perkara tersebut. Selain itu, syarikat konsesi juga tidak mempunyai kemudahan untuk menyemak status hidup/mati pemegang KDP melalui sistem JPN. Transaksi pengeluaran wang SSHP daripada akaun bank pemegang KDP yang telah meninggal dunia juga masih boleh dibuat oleh waris pesawah yang meninggal dunia dengan menggunakan kad bank yang masih belum luput tempoh ataupun melalui perbankan dalam talian.

Sepanjang tempoh 2020 hingga 2021, semakan KDP tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka dengan pemegang KDP atau wakil disebabkan pematuhan kepada SOP Covid-19.

Antara tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh MAFI adalah seperti berikut:

- a. memastikan syarikat konsesi sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya supaya tidak berlaku ketirisan dalam pengagihan dana SSHP dan para pesawah menerima pembayaran subsidi SSHP dalam masa yang telah ditetapkan; dan
- b. kerjasama antara syarikat konsesi dengan MAFI untuk membuat semakan status kematian pesawah pemegang KDP melalui sistem JPN sekurang-kurangnya satu kali setahun melalui projek Agriculture Flagship.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 26 Ogos 2022

MAFI memantau dan mengawal selia pembayaran SSHP sebelum ini melalui Jawatankuasa Pemantauan Konsesi yang bersidang dua kali setahun. Sebagai langkah penambahbaikan, MAFI telah memuktamadkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berkaitan kawalan dan pemantauan SSHP yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah pada 19 Ogos 2022. MAFI juga dalam proses penubuhan dan pelantikan ahli Jawatankuasa Pemantauan SSHP mengikut terma dan rujukan yang telah ditetapkan.

SOP proses pembayaran SSHP kepada waris pesawah yang meninggal dunia sememangnya telah digariskan dalam Prosedur Sistem Operasi bagi Pengurusan Subsidi Harga Padi. Sebagai langkah penambahbaikan, tatacara pembayaran melalui pewaris ini akan dihebahkan kepada pesawah di setiap pusat pembayaran bagi mengelakkan pembayaran dibuat ke atas nama pesawah yang telah meninggal dunia.

Pernyataan Audit | Kelemahan pemantauan proses bayaran SSHP menyebabkan berlaku pembayaran tidak teratur berjumlah RM0.73 juta kepada pesawah yang telah meninggal dunia antara tahun 2006 hingga 2021.

4.3. Pembekalan dan Penggunaan Jentera Ladang dan Mekanisasi Pertanian Padi

4.3.1. Klausula 14 dalam perjanjian konsesi menetapkan syarikat konsesi hendaklah memperuntukkan sejumlah RM40 juta sepanjang tempoh konsesi untuk pembekalan jentera dan mekanisasi pertanian padi kepada pesawah padi. Pembekalan hendaklah dibuat secara berperingkat berdasarkan jadual seperti di Lampiran F dan Lampiran G, iaitu RM4 juta pada tahun 2021.

a. Pembekalan Jentera Ladang dan Mekanisasi Pertanian Padi Bernilai RM3.12 Juta Tidak Menepati Jadual yang Ditetapkan

- i. Berdasarkan Laporan Prestasi KPI bagi bulan Julai hingga Disember 2021 yang disediakan oleh Pasukan Pemeriksa KPI MAFI bertarikh 7 Mac 2022, sejumlah RM4 juta telah dilabur oleh syarikat konsesi pada tahun 2021. Semakan Audit mendapati pembekalan sebenar yang telah dibuat oleh syarikat konsesi adalah berjumlah RM4.06 juta. Semakan lanjut terhadap invois dan nota penghantaran jentera ladang dan mekanisasi pertanian padi mendapati hanya sejumlah RM0.94 juta dibekalkan pada tahun 2021. **Baki RM3.12 juta hanya**

dibekalkan pada tahun 2022 antara bulan Januari hingga Mei 2022. Butiran lanjut pembekalan jentera adalah seperti dalam **Jadual 2.5**.

**JADUAL 2.5
PEMBEKALAN JENTERA PADA TAHUN 2022**

BIL.	PERIHAL JENTERA	KUANTITI (UNIT)	JUMLAH (RM)	TEMPOH PEMBEKALAN (BULAN)
1.	<i>Mini Combine Harvester</i>	11	1,536,000	Januari hingga Mac
2.	<i>Laser Land Leveller Model Novak Soft 25</i>	5	531,000	Januari hingga Mei
3.	<i>Wheel Tractor</i>	3	375,000	Februari
4.	<i>Track Tractor</i>	2	250,000	Januari
5.	<i>Transplanter</i>	5	341,000	Februari
6.	<i>Rotavator</i>	7	91,000	Januari
JUMLAH		33	3,124,000	

Sumber: Invois dan Nota Penghantaran Jentera

- ii. Laporan Prestasi KPI bagi bulan Julai hingga Disember 2021 yang disediakan oleh Pasukan Pemeriksa KPI MAFI bercanggah dengan prestasi sebenar pembekalan oleh syarikat konsesi. Pembekalan yang dibuat berjumlah RM3.12 juta pada tahun 2022 tidak mematuhi klausa 14 perjanjian konsesi.

b. Jentera Ladang dan Mekanisasi Pertanian Padi Bernilai RM0.87 Juta Belum Digunakan dan Telah Rosak

- i. Lawatan fizikal Audit telah dilaksanakan di KB Bukit Kenak (Terengganu) pada 24 Mei 2022, KB Rompin (Pahang), KB Changkat Lada (Perak) pada 15 Jun 2022 serta KB Sri Tiram Jaya (Selangor) pada 16 Jun 2022.
- ii. Pemeriksaan fizikal mendapati **lapan unit jentera yang telah diterima antara 12 Januari hingga 25 Mei 2022 berjumlah RM0.70 juta masih belum digunakan.** Antara sebab jentera tidak digunakan kerana MAFI belum menetapkan kaedah penggunaan dan pengurusan jentera. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.6** dan **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.8**.

**JADUAL 2.6
JENTERA YANG MASIH BELUM DIGUNAKAN**

BIL.	PERIHAL	KUANTITI (UNIT)	JUMLAH (RM)
1.	<i>Laser Land Leveller Model Novak Soft 25</i>	4	426,000
2.	<i>Transplanter</i>	2	134,000
3.	<i>Wheel Tractor</i>	1	125,000
4.	<i>Rotavator</i>	1	13,000
JUMLAH		8	698,000

Sumber: Nota Penghantaran

GAMBAR 2.1



KB Rompin, Pahang
-*Laser Land Leveller* yang Diterima pada
28 Januari 2022 Bernilai RM105,000 Belum Digunakan
(15.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.2



KB Rompin, Pahang
-*Transplanter* yang Diterima pada
23 Februari 2022 Bernilai RM67,000 Belum Digunakan
(15.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.3



KB Rompin, Pahang
-*Laser Land Leveller* yang Diterima pada
25 Mei 2022 Bernilai RM108,000 Belum Digunakan
(15.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.4



KB Changkat Lada, Perak
-*Laser Land Leveller* yang Diterima pada
28 Januari 2022 Bernilai RM105,000 Belum Digunakan
(15.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.5



KB Changkat Lada, Perak
-*Transplanter* yang Diterima pada
21 Februari 2022 Bernilai RM67,000 Belum Digunakan
(15.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.6



KB Changkat Lada, Perak
-*Laser Land Leveller* yang Diterima pada
25 Mei 2022 Bernilai RM108,000 Belum Digunakan
(15.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.7



KB Sri Tiram Jaya, Selangor
-Rotavator yang Diterima pada
12 Januari 2022 Bernilai RM13,000 Belum Digunakan
(16.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.8



KB Sri Tiram Jaya, Selangor
-Wheel Tractor yang Diterima pada
24 Februari 2022 Bernilai RM125,000 Belum Digunakan
(16.06.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Hasil lawatan juga mendapati **dua unit jentera ladang bernilai RM168,000 yang telah diterima pada 1 Disember 2021 dan 11 Januari 2022 berada dalam keadaan rosak.** Semakan Audit mendapati MAFI tidak menetapkan program penyenggaraan jentera oleh syarikat konsesi untuk memastikan jentera sedia untuk digunakan. Keadaan jentera adalah seperti dalam **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10**.

GAMBAR 2.9



KB Bukit Kenak, Terengganu
-Drone yang Diterima pada
1 Disember 2021 Bernilai RM43,000 Telah Rosak
(24.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2.10



KB Bukit Kenak, Terengganu
-Track Tractor yang Diterima pada
11 Januari 2022 Bernilai RM125,000 Telah Rosak
(24.05.2022)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- 4.3.2. Kelewatan pembekalan, pengagihan dan kelemahan prestasi penggunaan jentera adalah disebabkan oleh ketiadaan proses kerja berkaitan perancangan, penggunaan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap terma perjanjian di peringkat MAFI. Selain itu, tiada bukti kajian keperluan perolehan dibuat bagi memastikan kesesuaian penggunaan jentera. Perkara ini mengakibatkan jentera tidak dapat digunakan sepenuhnya pada tahun 2021 sebagaimana yang ditetapkan dalam terma perjanjian konsesi.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 9 Ogos 2022

Perjanjian konsesi ketiga mula berkuat kuasa pada 11 Januari 2021. Syarikat konsesi perlu mengambil masa bagi proses perancangan pembelian, kajian pasaran dan kelulusan pengurusan tertinggi sebelum perolehan jentera dan mekanisasi dibuat. Oleh itu, penghantaran dan pembayaran bagi jentera berkenaan mengambil masa melangkaui tahun untuk diselesaikan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Konsesi bersetuju untuk membuat penilaian bagi tahun 2021 berdasarkan kontrak perolehan ke atas 44 unit jentera bernilai RM4.06 juta yang telah dibuat oleh syarikat konsesi dengan pihak pembekal serta memastikan jentera yang telah selesai penghantaran berada di kawasan yang telah ditetapkan. Tambahan pula obligasi ini merupakan obligasi tambahan baharu yang belum pernah dilaksanakan di dalam perjanjian konsesi pertama dan kedua. Justeru bagi tahun 2021, pasukan pemeriksa dan ahli jawatankuasa masih dalam penelitian bagi menentukan kaedah terbaik untuk menilai pencapaian KPI di bawah obligasi ini.

Merujuk kepada Lampiran F perjanjian konsesi, pembekalan jenis dan kuantiti jentera adalah tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan semasa. Di bawah program baharu Kerajaan, iaitu SMART Sawah Berskala Besar (SBB), terdapat keperluan untuk aset berkenaan digunakan oleh pesawah di bawah program tersebut. Bagi jentera atau mekanisasi yang telah rosak, kerosakan berlaku dalam tempoh selepas pemeriksaan KPI dilaksanakan. Justeru, laporan kerosakan adalah di peringkat syarikat konsesi memandangkan segala kos penyenggaraan untuk membaik pulih jentera tersebut ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi.

Tindakan penambahbaikan yang akan dilaksanakan oleh MAFI adalah seperti berikut:

- a. membincangkan kaedah pengagihan dan program penyenggaraan jentera yang terbaik untuk memastikan kesemua jentera dan mekanisasi dapat digunakan secara optimum; dan
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Konsesi Bilangan 1 Tahun 2022 telah bersetuju agar kaedah sewaan atau sewa beli dipertimbangkan untuk tujuan pembekalan jentera dan mekanisasi ladang dengan kadar nilai yang sama bagi memastikan pelaburan di bawah obligasi ini memberi manfaat kepada pembangunan industri padi khususnya kepada pesawah.

Maklum balas MAFI yang diterima pada 26 Ogos 2022

Pada masa kini, terdapat keperluan untuk penggunaan jentera dan mekanisasi pertanian padi dalam projek SMART SBB yang melibatkan lebih 4,700 orang pesawah sehingga bulan Mei 2022.

Pernyataan Audit	Kelemahan perancangan keperluan jentera dan pemantauan oleh MAFI menyebabkan jentera ladang dan mekanisasi pertanian padi yang dibekalkan oleh syarikat konsesi tidak dapat dimanfaatkan oleh pesawah. Selain itu, jentera yang rosak dan tidak dibaiki merupakan pembaziran kepada pesawah.
-------------------------	---

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel pengauditan, terdapat kelemahan dalam terimaan dana berbentuk kewangan dan aset serta bayaran SSHP di bawah perjanjian konsesi pengurusan industri padi dan beras negara. MAFI belum menerima dana obligasi sosial berjumlah RM37 juta pada tahun 2021 daripada syarikat konsesi. Bayaran SSHP sebanyak RM0.73 juta pula dibuat kepada pesawah yang telah meninggal dunia. Di samping itu, pembekalan jentera bernilai RM3.12 juta tidak mematuhi perjanjian konsesi manakala jentera bernilai RM0.87 juta belum digunakan dan telah rosak. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan pemantauan oleh MAFI terhadap terma perjanjian konsesi dan ketiadaan prosedur kerja yang jelas berkaitan pelaksanaan obligasi sosial yang telah dipersetujui.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan terhadap terimaan dan bayaran obligasi sosial di bawah perjanjian konsesi pengurusan industri padi dan beras negara, MAFI disyorkan melaksanakan penambahbaikan dan mengambil tindakan berikut:

- 6.1. memastikan akaun amanah ditubuhkan dengan segera dan mendapatkan dana obligasi sosial selaras dengan perjanjian konsesi bagi memberi manfaat kepada golongan sasar;
- 6.2. memastikan penambahbaikan dibuat terhadap prosedur operasi standard bayaran SSHP dan menetapkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan agar pembayaran dilaksanakan dengan teratur; dan

6.3. memastikan kajian keperluan perolehan jentera dilaksanakan dan program penyenggaraan disediakan agar jentera dan mekanisasi padi sentiasa tersedia untuk digunakan oleh pesawah.